



commercedotcom

innovations in
public commerce

commerce dot com sdn bhd (486495V)
ground floor, wisma commercedotcom,
15 jalan pandang, 46050 petaling jaya,
selangor darul ehsan, malaysia.

☎ 03 7985 7700 ☎ 03 7781 1428

www.commercedc.com.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Sistem ePerolehan Beroperasi dan Boleh Di Akses Sepanjang PKP

PETALING JAYA, 20 March 2020—Sistem ePerolehan adalah antara perkhidmatan penting negara (*essential services*) di bawah Warta Kerajaan Persekutuan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 oleh Jabatan Peguam Negara.

Sistem ePerolehan beroperasi dan boleh diakses pada sepanjang masa bagi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 hingga 31 Mac 2020. Pengendali sistem ePerolehan, Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDC) komited dalam memastikan semua urusan perolehan Kerajaan terutamanya operasi bagi menangani wabak COVID-19 ini dapat dijalankan dengan sempurna dan lancar. Walau bagaimanapun, sebagai langkah menghindari wabak COVID-19 ke atas warga kerja, beberapa perubahan terhadap operasi telah diambil:

- Fungsi Pendaftaran Pembekal Baharu, Pembaharuan Pendaftaran bagi Pembekal Kementerian Kewangan (MOF) dan mengemaskini profil syarikat secara *online* adalah tergendala buat masa ini. Sistem Pendaftaran Pembekal ini berintegrasi dengan sistem *online* Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dimana pihak SSM telah menghentikan semua operasi termasuk sistem *online* SSM buat sementara waktu dalam tempoh PKP ini.
- Talian Khidmat Bantuan (Call Centre) yang boleh dihubungi 24 jam beroperasi di *on-site* pada kadar minima daripada waktu biasa.
- Pegawai Penyelaras Kementerian sistem ePerolehan mengurangkan pergerakan dengan tidak mengunjungi pejabat Kerajaan dan bekerja dari rumah.
- Pegawai teknikal bagi pemantauan sistem dan infrastruktur ICT masih bekerja di *on-site* mengikut pasukan secara giliran.
- Kaunter ePerolehan seluruh negara ditutup.
- Program Latihan Dalam Kelas dan taklimat ePerolehan ditunda.
- Pejabat CDC ditutup dan terhad untuk kerja-kerja kritikal. Operasi bekerja dari rumah untuk kakitangan diaktifkan.

Berikutan dengan perubahan tersebut, langkah-langkah alternatif bagi melancarkan urusan pengguna ePerolehan adalah seperti berikut:

- Menggunakan e-mel untuk bantuan ePerolehan iaitu bantuan@eperolehan.gov.my (Pembekal) dan bantuanptj@eperolehan.gov.my (Kerajaan) atau eAduan. Saluran eAduan boleh diakses oleh pengguna Kerajaan dan pembekal dengan terlebih dahulu log masuk ke sistem ePerolehan dan kemudian klik menu Lain-Lain, seterusnya klik eAduan.
- Mengakses Latihan ePerolehan secara atas talian (ePOL) di portal ePerolehan.
- Menghubungi Pegawai Penyelaras Kementerian atau mana-mana kakitangan CDC yang bertugas dari rumah secara telefon, e-mel dan perkhidmatan *instant messaging* seperti WhatsApp.

Pihak kami berharap dengan langkah-langkah alternatif ini akan membolehkan kelancaran semua urusan perolehan Kerajaan di pejabat dan di rumah di samping membantu kakitangan sektor kesihatan dan penguatkuasa membendung penularan wabak COVID-19 di negara kita. Pihak CDC akan memaklumkan sebarang perubahan operasi dari semasa ke semasa.

Sila layari website www.commercedc.com.my untuk maklumat lanjut.